

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HJ SALIM SHARIF (JEMPOL)

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme baharu untuk mengekang sindiket perjudian dalam talian yang dipromosikan secara terbuka di platform media sosial, sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil perhatian yang serius terhadap isu perjudian yang berleluasa di negara ini termasuklah premis-premis perjudian dalam talian yang semakin bertambah dan sentiasa membuat kajian tentang modus operandi sindiket ini beroperasi. Modus operandi perjudian masa kini berubah mengikut keadaan semasa dan sindiket akan mempromosikan iklan perjudian melalui media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Wechat dan Telegram secara terus kepada pelanggan.

Susulan itu, antara tindakan yang telah diambil dan dirancang oleh pihak polis termasuklah:

1. Mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan melalui Op Dadu termasuklah operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi

SOALAN NO : 17

lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melumpuhkan kegiatan ini;

2. Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah Sek. 263 (2) Akta Komunikasi Multimedia;

3. Bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang sering digunakan oleh sindiket perjudian;

4. Mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan ini termasuklah penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain itu, tindakan yang lebih keras juga akan diambil di bawah peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001; dan

5. Meneliti undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan modus operandi sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (online). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.